



LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2022

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN



INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2022



Diterbitkan oleh:

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia
Tel: 603 8924 3400
Faks: 603 8924 3582

Hak cipta Penerbit:

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan.



Isi Kandungan

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali

5-6

MAKLUMAT KORPORAT

Carta Organisasi ILKAP

10

Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP

11-12

Pemegang Taruh ILKAP

13

Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP

14-15

PEJABAT PENGURUSAN TERTINGGI ILKAP

Pejabat Ketua Pengarah ILKAP

17

Pejabat Timbalan Ketua Pengarah ILKAP

18-19

BAHAGIAN LATIHAN

Program Kehakiman	21-23
Program Litigasi	28-35
Program Penasihat	37-42
Program Perundangan	44-49
Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	51-67



BAHAGIAN PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan	59
Seksyen Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan	60-61
Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset (DPPA)	63-64
Seksyen Teknologi Maklumat	65-68



Bahagian Maklumat	70-80
Unit Penyelidikan dan Inovasi	82-98
Unit Integriti	100-106



**LAPORAN KHAS:**

ILKAP Speaker Series

Knowing Online Scams and Best Practices for Preventions

108-110

LAPORAN KHAS:

Program “Jom Jadi Peguam!”

112-119

LAPORAN KHAS:

Kelab Sukan dan Kebajikan

121-129

LAPORAN KHAS:

PUSPANITA (Cawangan Kecil ILKAP)

131-132




Laporan Pencapaian ILKAP

134-138

Sidang Redaksi

139



Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Pertamanya, saya ingin merakamkan sekalung ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak ILKAP yang diterajui oleh YBhg. Datin Rozita binti Ramli, Ketua Pengarah ILKAP, atas komitmen dan kesungguhan dalam menganjurkan pelbagai program latihan sepanjang tahun 2022.

Tahun 2022 merupakan tahun ketiga dunia mengharungi wabak COVID-19 dan negara kita masih terkesan dengan wabak yang tidak diduga ini. Sungguhpun demikian, ILKAP tetap terus menggalas tugasnya tanpa henti dengan menyediakan program latihan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai cabaran, tahun 2022 sekali lagi menyaksikan ILKAP berjaya merealisasikan program latihan sebagaimana yang dirancang apabila kesemua program latihan berjadual yang dirancang dan program latihan ad hoc dapat dijalankan dengan jayanya sama ada melalui pelaksanaan secara bersemuka, secara dalam talian ataupun hibrid. Tahniah diucapkan.

Pada tahun 2022, ILKAP telah menganjurkan kembali program ILKAP Speaker Series (ISS). Program ISS diperkenalkan sejak tahun 2014 sebagai medan perkongsian ilmu dengan tokoh-tokoh terkemuka dan berpengalaman dalam bidang perundangan. Namun, program ulung yang menjadi tradisi tahunan ILKAP ini terpaksa dihentikan pada tahun 2020 dan 2021 susulan negara diancam wabak COVID-19. Penganjurannya pada tahun 2022 merupakan suatu kejayaan yang amat membanggakan dan tahniah diucapkan kepada ILKAP.



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali



Selaras dengan usaha ILKAP untuk memastikan sistem pengurusan kualiti berada pada piawaian maksimum bagi meningkatkan kepuasan pelanggan, ILKAP sentiasa berusaha membuat penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatannya. Perkara ini dapat dilihat dengan kejayaan ILKAP memperbaharui dan seterusnya menyambung pensijilan ISO 9001:2015 bagi tahun 2022 hingga 2024. Saya berharap semoga dengan pensijilan baharu ISO 9001:2015 ini dapat memantapkan lagi kualiti perkhidmatan ILKAP secara keseluruhannya.

Sebagai institusi yang sentiasa mendukung dan menyokong usaha Kerajaan untuk menangani isu rasuah, pada tahun 2022, ILKAP telah mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi ILKAP 2022-2026 (OACP). OACP merupakan dokumen dasar antirasuah ILKAP yang menggariskan strategi dan inisiatif untuk dilaksanakan yang berupaya untuk menerapkan nilai-nilai murni, akauntabiliti dan integriti dalam kalangan warga ILKAP. Oleh itu, besar harapan saya agar semua warga ILKAP dapat menghayati dan mempraktikkan strategi dan inisiatif yang dirancang ke arah mempertingkatkan ketelusan dan kecekapan tadbir urus serta akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan terbaik oleh ILKAP.

Tidak dilupakan, bagi pihak Lembaga Pengurusan ILKAP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan yang telah memberi sokongan yang berterusan kepada ILKAP.

Akhir kata, sejajar dengan konsep kepemimpinan negara Malaysia Madani, saya menaruh sepenuh keyakinan terhadap usaha berterusan ILKAP mengorak langkah dengan lebih progresif ke arah menjadi institusi latihan awam yang dinamik dan mampan untuk melatih pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai penguat kuasa yang berwibawa, berdaya saing dan cemerlang.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali

Ketua Setiausaha Negara



MAKLUMAT KORPORAT



Maklumat Korporat

FUNGSI

Merancang dan mengendalikan program latihan, kolokium, seminar dan bengkel dalam bidang kehakiman dan perundangan;

OBJEKTIF

Meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman dan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematik dan terancang.

VISI

Peneraju kecemerlangan tenaga kerja profesional yang mampan dalam bidang kehakiman dan perundangan di Malaysia.

MISI


Meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kompetensi dan profesionalisme pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan agensi penguatkuasaan dengan melaksanakan latihan yang relevan, berkualiti dan efektif selaras dengan perkembangan undang-undang semasa.

PIAGAM PELANGGAN


Kami adalah komited untuk menyediakan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang:

Kami berjanji akan:

- ◊ merancang dan melaksanakan projek latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
- ◊ menjalankan tidak kurang daripada 90% kursus yang dirancang setiap tahun;
- ◊ menyampaikan maklumat berkaitan dengan jadual program latihan tidak lewat daripada sebulan sebelum latihan dilaksanakan;
- ◊ menyediakan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kursus yang akan dijalankan;
- ◊ menyediakan bahan rujukan yang komprehensif dan terkini;
- ◊ memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik dan siap untuk digunakan sebelum kursus bermula dan pada setiap masa kursus berjalan;
- ◊ menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai, selesa dan kondusif;
- ◊ memastikan tuntutan segala pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari; dan
- ◊ memastikan bahawa semua pertanyaan dan aduan diberi maklum balas dalam tempoh 48 jam.



Carta Organisasi ILKAP





Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP



YBHG. TAN SRI DATO' MOHD
ZUKI BIN ALI
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
PENGURUSI
LEMBAGA PENGURUSAN
ILKAP**



YBHG. TAN SRI IDRUS BIN
HARUN
PEGUAM NEGARA MALAYSIA



YBHG. DATUK SERI MOHD
SHAFIQ ABDULLAH
**KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM**



YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON
**KETUA SETIAUSAHA
PERBENDAHARAAN MALAYSIA**



YBHG. DATUK AHMAD TERRIRUDIN
BIN MOHD SALLEH
**KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA (MEI 2019- MAC 2022)**





Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP



YBHG. DATO' HASBI
BINTI HASAN
**KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH
PERSEKUTUAN
MALAYSIA
(MAC 2022- KINI)**



YBHG. DATUK HAJI
MOHD RABIN BIN BASIR
**KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL
EHWAL UNDANG-
UNDANG JABATAN
PERDANA MENTERI
(SEPTEMBER 2021 ~
APRIL 2022)**



YBHG. DATUK
ABD SHUKOR BIN
MAHMOOD
**KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL
EHWAL
UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA
MENTERI
(20 JUN 2020 ~
22 SEPTEMBER 2021)**



YBRS. PROF MADYA
DR. HARTINI
BINTI SARIPAN
**DEKAN FAKULTI
UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA (UITM)**



YBHG. DATO' ZAMANI
BIN IBRAHIM
**PEGUAM BELA DAN
PEGUAM CARA**



YBHG. DATIN
ROZITA BINTI
RAMLI
**KETUA
PENGARAH
ILKAP
(SETIAUSAHA
LEMBAGA
PENGURUSAN
ILKAP)**





Pemegang Taruh ILKAP



**JABATAN
PERDANA MENTERI**



**JABATAN
PEGUAM NEGARA**



MAHKAMAH



Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dikawal selia dan diuruskan oleh sebuah lembaga pengurusan yang dinamakan sebagai Lembaga Pengurusan ILKAP. Lembaga Pengurusan ILKAP berperanan dalam menetapkan matlamat jangka panjang, menggubal dasar serta mengawal program yang dijalankan di ILKAP.

Ketua Setiausaha Negara merupakan Pengerusi bagi Lembaga Pengurusan ILKAP manakala ahlinya terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, seorang peguam bela dan peguam cara yang dilantik oleh Kerajaan dan seorang Dekan Fakulti Undang-Undang daripada universiti tempatan. Ketua Pengarah ILKAP pula berperanan sebagai Setiausaha kepada Lembaga Pengurusan ILKAP.

Lembaga Pengurusan ILKAP perlu bermesyuarat pada setiap tahun dengan kekerapan sebanyak dua kali setahun. Pada tahun 2022, kedua-dua Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP telah diadakan secara edaran pada 23 Jun 2022 dan 11 November 2022.

Bagi Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2022, Kertas Edaran yang dikemukakan untuk pertimbangan dan makluman Lembaga Pengurusan ILKAP adalah seperti yang berikut:

MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP BIL. 1/2022	
LAPORAN MESYUARAT	KERTAS PEMAKLUMAN
Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP bagi tahun 2021 dari 1 September 2021 hingga 31 Oktober 2021.	Kertas Pemakluman Pelantikan Pengamal Undang-Undang sebagai Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP.

MESUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP BIL. 1/2022	
LAPORAN MESUARAT	KERTAS PEMAKLUMAN
Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021 dan Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Mei 2022.	Kertas Pemakluman Penutupan ILKAP sebagai Stesen Kuarantin.

Kertas Edaran bagi Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2022 pula adalah seperti yang berikut:

MESUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP BIL. 2/2022
LAPORAN MESUARAT
Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP tahun 2022 bagi tempoh 1 April 2022 hingga 31 Ogos 2022
Laporan Perbelanjaan Mengurus dan Akaun Amanah ILKAP bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Ogos 2022
Laporan Cadangan Program Latihan ILKAP bagi tahun 2023

Kedua-dua Kertas Edaran yang diedarkan oleh ILKAP bagi Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1 dan 2 tahun 2022 tersebut telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengurusan ILKAP.



PEJABAT PENGURUSAN TERTINGGI ILKAP



Pejabat Ketua Pengarah ILKAP



Rosmawati binti
Ramly

Ketua Pengarah
(Belum Diisikan)



Mohamad
Ibrahim bin Mohd
Yusof



Mohd Raihemi bin
Sulaiman



Pejabat Timbalan Ketua Pengarah ILKAP



**Tuan Harith Sham bin
Mohamed Yasin**



**Zalinawati binti
Joha @ Sulong**



**Norashidah
Najla binti Jeffri**




**Nor Azni bin
Shamsudin**

Warga Pejabat Pengurusan Tertinggi





PROGRAM KEHAKIMAN



Program Kehakiman



Zuraidah binti Tan Sri
Muhammad Rais
(Pengarah)

Sharifah 'Aishah
Almohdar binti Syed
Mohamed

Bharathy A/P
Balakrishnan

Nurhidayah
binti Mohtar

Siti Noor
Mazrah binti
Ahmad Din

Anastasia
David Sze

Suzana binti
Abdul Latiff

Mohd Faizu
bin Razali



Pencapaian Program Kehakiman Tahun 2022

Program Kehakiman Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Kehakiman) telah berjaya menganjurkan sebanyak 22 kursus/ bengkel/ seminar berjadual bagi tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, 19 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Kehakiman ILKAP pada tahun 2022 secara keseluruhannya adalah seramai 808 orang peserta.

Berikut adalah bilangan peserta yang hadir ke kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang dianjurkan oleh Program Kehakiman bagi tahun 2022:



Perincian lanjut berhubung kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Kehakiman pada tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	Kursus Penterjemahan untuk Jurubahasa Mahkamah (Lisan dan Penulisan)	19-21 September 2022	32
PL 2	<i>Workshop on Preparation of Cabinet Paper, Legal Opinion and Comments on Legal Issues in Cabinet Paper</i>	3-5 Oktober 2022	33
PL 3	Bengkel Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi	11-12 Oktober 2022	34

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 1	Seminar mengenai Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]	10 Januari 2022	50
PLO 2	Seminar Poligami - Hak dan Tanggungjawab Suami	19 Januari 2022	35
PLO 3	Seminar Pengurusan dan Pelupusan Barang Kes	19-21 Januari 2022	35
PLO 4	Seminar Undang-Undang Fitnah Internet (<i>Internet Defamation</i>) di Malaysia	24-25 Januari 2022	70
PLO 5	Seminar Keganasan Rumah Tangga	31 Januari 2022	47

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 6	Kursus Konflik Bidang Kuasa Undang-Undang Tanah dalam Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah	7 Februari 2022	31
PLO 7	Kursus Hibah, Wasiat, Amanah dan Probet (Hartanah)	14-16 Februari 2022	71
PLO 8	Kursus Penolong Pegawai Undang-Undang	28 Februari – 2 Mac 2022	48
PLO 9	Seminar Lambakan Produk Kecantikan dan Kesihatan di Pasaran – Implikasi dan Hak Pengguna	14- 15 Mac 2022	28
PLO 10	Kursus Forensik Digital	21- 22 Mac 2022	22
PLO 11	<i>Course on Crime Sentencing Process</i>	21- 23 Mac 2022	21

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 12	Kursus mengenai Pindaan kepada Akta dan Kaedah- Kaedah di Mahkamah Sivil	23 Mei 2022	24
PLO 13	Kursus Asas Majistret dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah (Jenayah)	24-26 Mei 2022	28
PLO 14	Kursus Mahkamah Koroner	20-21 Jun 2022	33
PLO 15	Kursus Taksiran Ganti Rugi dan Kos	27-29 Jun 2022	30
PLO 16	Kursus Sisa Pepejal – Peranan Mahkamah dan Tanggungjawab Penguatkuasaan	4-5 Julai 2022	21

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 17	Kursus Mahkamah Khas Rasuah	25-26 Julai 2022	15
PLO 18	Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah	1-2 Ogos 2022	52
PLO 19	Seminar Konflik Bidang Kuasa Undang-Undang Sivil dan Syariah di Malaysia	1 September 2022	48

Program Kehakiman ILKAP juga dengan jayanya telah menganjurkan tiga (3) Kursus Kerjasama bersama dengan kementerian/jabatan/ agensi lain yang melibatkan seramai 106 peserta sepanjang tahun 2022 dengan perincian yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	TARIKH
1.	Kursus Penulisan Alasan Keputusan	Perbadanan Harta Intelek Malaysia	19 Mei 2022
2.	Kursus Undang-undang Media- ‘Fitnah, Hasutan, Penghinaan Mahkamah dan Privasi’	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	17-18 Oktober 2022
3.	Kursus Pengendalian Kes Tuntutan Sivil Terhadap Penghutang	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	15-17 November 2022

Warga Program Kehakiman





PROGRAM LITIGASI



Program Litigasi



Nurulhuda binti
Ramli



Yusliza binti
Awal



Noor Sabrina
binti Mat Yusop



Hasila binti Awang
(Pengarah)



Ainnan binti
Mohd Rasid



Zulyhamli bin
Moh



Nor Fazlina binti
Md Radzi



Esah binti Mohd
Said

Pencapaian Program Litigasi Tahun 2022

Program Litigasi Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Litigasi) telah berjaya menganjurkan sebanyak 22 kursus/ bengkel/ seminar berjadual bagi tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, 11 adalah dijalankan secara bersemuka dan 11 lagi telah diadakan secara dalam talian (*online*). Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Litigasi ILKAP pada tahun 2022 secara keseluruhannya adalah seramai 897 orang peserta.

Berikut adalah bilangan peserta yang hadir ke kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang dianjurkan oleh Program Litigasi bagi tahun 2022:



Perincian kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Litigasi ILKAP pada tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA BERSEMUKA

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	Kursus Pengendalian Kes Perjudian	21 – 23 Jun 2022	30
PL 2	Kursus Pendakwaan Jenayah Siber	1 – 4 Ogos 2022	32
PL 3	<i>Course on the Law Relating to Sexual Crimes</i>	8 – 12 Ogos 2022	34
PL 4	Bengkel Kemahiran Advokasi dalam Kecuaian Perubatan	15 – 17 Ogos 2022	30
PL 5	<i>Course on Pre-Trial Procedures in Civil Litigation</i>	5 – 7 September 2022	21
PL 6	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTm) Bil. 2/2022	5 – 28 September 2022	30
PL 7	<i>Workshop on Examination of Witnesses</i>	26 – 29 September 2022	27
PL 8	Kursus Penzahiran Dokumen di bawah Aturan 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012]	26 – 27 September 2022	24
PL 9	<i>Course on Expert Evidence in the Civil and Criminal Cases</i>	17 – 21 Oktober 2022	35
PL 10	Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan)	17 – 21 Oktober 2022	47
PL 11	Bengkel Siasatan dan Pendakwaan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] (ATIPSOM)	25 – 28 Oktober 2022	26

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 1	Kursus Siasatan dan Pendakwaan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan Cabarannya	7 – 8 Februari 2022	50
PLO 2	Kursus Kepeguanan Berhubung Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat	21 – 23 Februari 2022	35
PLO 3	Kursus Prosiding oleh dan terhadap Kerajaan di bawah Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359], Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012] dan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]	7 – 8 Mac 2022	46
PLO 4	Kursus berkaitan Kes Melibatkan Orang Tak Sempurna Akal di bawah Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]	29 – 30 Mac 2022	89
PLO 5	<i>Course on Challenges in Enforcement and Prosecution of Terrorism Offences</i>	17 – 18 Mei 2022	34
PLO 6	<i>Course on Crime Scene Forensic Evidence and Investigation</i>	30 Mei – 3 Jun 2022	65
PLO 7	Kursus Pendakwaan yang Efektif bagi Kes Jenayah (Timbalan Pendakwa Raya)	7 – 8 Jun 2022	64
PLO 8	<i>Course on Electronic Evidence</i>	4 – 5 Julai 2022	58
PLO 9	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil.1/2022	4 – 27 Julai 2022	30
PLO 10	Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalan Raya	1 – 4 Ogos 2022	52
PLO 11	Bengkel Strategi Berkesan dalam Mengendalikan Perbicaraan dan Rayuan Jenayah	15 – 17 Ogos 2022	38

Selain itu, Program Litigasi ILKAP juga telah berjaya melaksanakan sebanyak 23 kursus kerjasama yang dianjurkan secara bersama dengan pelbagai pihak kementerian/ jabatan/ agensi.

Perincian kursus-kursus kerjasama yang berjaya dilaksanakan oleh Program Litigasi dan kementerian/ jabatan/ agensi yang terlibat bagi tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

BIL.	TAJUK KURSUS	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	TARIKH
1.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan Siri 1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	15 – 16 Februari 2022
2.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan Siri 2	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	22 – 23 Februari 2022
3.	Kursus Pemantapan Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar	Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)	7 – 11 Mac 2022
4.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Kementerian Belia dan Sukan	29 – 31 Mac 2022
5.	Kursus Penulisan Alasan Keputusan	Malaysia Intellectual Property Corporation (MyIPO)	18 – 19 Mei 2022
6.	Kursus Paperbicaraan dan Teknik Pendakwaan	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	19 – 21 Mei 2022
7.	Kursus Pemantapan Pegawai Penyiasat TASKA dan Pusat Jagaan	Jabatan Kebajikan Masyarakat	24 – 27 Mei 2022

BIL.	TAJUK KURSUS	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	TARIKH
8.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia	13 – 16 Jun 2022
9.	Kursus Pendakwaan Jenayah Siber	Kementerian Kesihatan Malaysia	27 – 29 Jun 2022 (secara dalam talian)
10.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan & Teknik Pendakwaan	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)	18 – 22 Julai 2022
11.	Kursus Asas Penyiasatan Saksi/ Calon yang Disyaki (CYDS) untuk Pegawai Lembaga Peperiksaan dan Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri	Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)	26 – 28 Julai 2022
12.	Kursus Asas Penyediaan Kertas Siasatan	LPM	26 – 29 September 2022
13.	Kursus Praperbicaraan dan Teknik Pendakwaan	Agenzi Antidadah Kebangsaan (AADK)	23 – 26 Ogos 2022
14.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan (APAD)	Agenzi Pengangkutan Awam Darat (APAD)	25 – 27 Ogos 2022
15.	Kursus Penyediaan Kertas Siasatan	Jabatan Peguam Besar Sabah	25 – 27 September 2022
16.	Kursus Praperbicaraan dan Teknik Pendakwaan	Jabatan Peguam Besar Sabah	27 – 30 Oktober 2022

BIL.	TAJUK KURSUS	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	TARIKH
17.	Kursus Siasatan Tempat Kejadian Jenayah (<i>Crime Scene Investigation</i>) bagi Keterangan Forensik dan Elektronik	Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)	3 – 7 Oktober 2022
18.	Kursus Pendakwaan Lanjutan Bagi Pegawai Pendakwa di JKKP Negeri Sembilan.	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Sembilan, Kementerian Sumber Manusia (KSM)	4 – 7 Oktober 2022
19.	Kursus Panduan dan Tatacara Pengendalian Siasatan dan Penyediaan Kertas Siasatan	Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)	19 – 20 Oktober 2022 (secara dalam talian)
20.	Kursus Undang-Undang Media-Fitnah, Hasutan, Penghinaan Mahkamah Dan Privasi	PTPTN	17 – 18 Oktober 2022
21.	Kursus Pengenalan Keterangan Saksi Pakar bagi Kesalahan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708]	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	1 – 3 November 2022
22.	Kursus Pengendalian Kes Tuntutan Sivil Terhadap Penghutang	PTPTN	15 – 17 November 2022
23.	Kursus Pendakwaan Lanjutan JKKP Wilayah Persekutuan dan Putrajaya	JKKP Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, KSM	30 November – 1 Disember 2022

Warga Program Litigasi





PROGRAM PENASIHAT





Program Penasihat



Noor Azlina binti Hashim
(Pengarah)



Khairunnisa Hazwani
binti Omar



Noor Ezwanee binti
Mohamad



Naquiah binti
Jusoh



Siti Khairunnisa
binti Mohd Razali



Siti Nadzirah binti
Musa



Siti Nur Farhana
binti Azani




Yusrina binti
Mohd Yusof

Pencapaian Program Penasihat Tahun 2022

Program Penasihat, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Penasihat) telah berjaya menganjurkan semua kursus/ bengkel/ seminar yang telah dijadualkan pada tahun 2022 iaitu sebanyak 18 kursus/ bengkel/ seminar. Daripada jumlah tersebut, 12 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*) dan 6 lagi diadakan secara bersemuka. Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Penasihat ILKAP pada tahun 2022 secara keseluruhannya ialah seramai 598 orang peserta.

Berikut adalah bilangan peserta yang hadir ke kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang dianjurkan oleh Program Penasihat bagi tahun 2022:



Perincian kursus dan bengkel berjadual yang telah berjaya dianjurkan oleh Program Penasihat ILKAP pada tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA FIZIKAL

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	<i>Course on Effective Legal Research</i>	4 – 6 Julai 2022	25
PL 2	Kursus Penggubalan, Kemungkiran dan Penamatan Kontrak Kerajaan	5 – 7 September 2022	31
PL 3	Kursus Pengendalian Senjata Api	12 – 13 September 2022	34
PL 4	<i>Course on Introduction to Construction Law in Malaysia</i>	12 – 15 September 2022	28
PL 5	Kursus Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak di Malaysia	26 – 27 September 2022	27
PL 6	Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Tatatertib bagi Pegawai Awam	3 – 5 Oktober 2022	32

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 1	<i>Course on Charitable Trust in Malaysia: Laws and Regulations</i>	20 – 21 Januari 2022	31
PLO 2	<i>Course on Interpretation Acts 1948 & 1967 [Act 388]</i>	21 – 23 Februari 2022	39
PLO 3	<i>Course on Personal Data Protection – Issues and Challenges</i>	15 – 16 Mac 2022	35
PLO 4	Seminar mengenai Pengangkatan: Undang-Undang, Amalan dan Cabaran	18 Mei 2022	45
PLO 5	Kursus Undang-Undang Tanah: Pengenalan kepada Perundangan Tanah serta Isu dan Cabaran	23 – 25 Mei 2022	30
PLO 6	<i>Course on Human Rights: Child Marriage from Domestic and International Perspectives</i>	30 – 31 Mei 2022	23
PLO 7	<i>Course on Statutory Duties and Statutory Powers</i>	7 – 8 Jun 2022	39
PLO 8	Kursus Pengenalan Undang-Undang Alam Sekitar – Isu Semasa dan Cabaran	21 – 22 Jun 2022	41
PLO 9	Kursus Keselamatan Maklumat Kerajaan Menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Arahan Keselamatan	15 – 16 Jun 2022	29

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 10	Kursus Punca Kuasa, Perwakilan dan Penurunan Kuasa	18 – 19 Julai 2022	59
PLO 11	<i>Course on Intellectual Property Law – Rights and Issues</i>	8 – 11 Ogos 2022	24
PLO 12	<i>Course on Rights of Foreign Workers in Malaysia: An Overview</i>	29 – 30 Ogos 2022	26

Warga Program Penasihat





PROGRAM PERUNDANGAN





Program Perundangan



Haslamizan
bin Maliki



Ho Zee Xing



Aida binti Mohamed
Bakri



Mastura binti Husain
(Pengarah)



Tania Arissa binti Andi
Sanrang



Mohd Khairornizam bin
Mohd Yunus




Siti Nor Syawiah binti
Khamis

Pencapaian Program Perundangan Tahun 2022

Program Perundangan Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program Perundangan) telah berjaya menganjurkan sebanyak 20 kursus/ bengkel/ seminar berjadual bagi tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, 6 daripadanya telah diadakan secara dalam talian (*online*) dan 14 lagi diadakan secara bersemuka. Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program Perundangan ILKAP pada tahun 2022 secara keseluruhannya adalah seramai 615 orang peserta.

Berikut adalah bilangan peserta yang hadir ke kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang dianjurkan oleh Program Perundangan bagi tahun 2022:



Perincian kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program Perundangan ILKAP pada tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA BERSEMUKA

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	Kursus "Audi Alteram Partem" – Maksud dan Pemakaianya Dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran	17 – 18 Mei 2022	27
PL 2	Bengkel Teknik Kemahiran Semakan dan Cetakan Semula Undang-Undang	7 – 8 Jun 2022	28
PL 3	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen (Khas)	5 – 7 Julai 2022	25
PL 4	Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang	25 – 27 Julai 2022	30
PL 5	Kursus mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang yang Berkaitan Dengannya	8 – 11 Ogos 2022	26
PL 6	Kursus Penterjemahan dan Penyuntingan Teks Perundangan	15 – 17 Ogos 2022	24

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 7	Bengkel Pengenalan Pembaharuan Undang-Undang	29 – 30 Ogos 2022	38
PL 8	Seminar Kesedaran Kesalahan oleh Organisasi Komersial - Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]	5 – 6 September 2022	23
PL 9	Kursus Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman yang Efektif	12 – 13 September 2022	35
PL 10	Bengkel Peranan Pegawai Undang-Undang dalam Persediaan Penggubalan Perundangan	12 – 15 September 2022	27
PL 11	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen	3 – 5 Oktober 2022	26
PL 12	Kursus Penggunaan Bahasa dalam Perundangan (Tatabahasa, Peristilahan, Penterjemahan dan Penyuntingan Terjemahan)	3 – 5 Oktober 2022	26
PL 13	Kursus Komprehensif Undang-Undang berkaitan Kanak-Kanak di Malaysia	17 – 20 Oktober 2022	28
PL 14	Kursus Berkaitan Prosedur dan Perundangan Halal di Malaysia	25 – 27 Oktober 2022	39

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 1	Seminar mengenai Konsep Perkhidmatan Prabayar: Hak Pengguna di bawah Perundangan Malaysia	07 Februari 2022	37
PLO 2	Kursus Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] dan Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] – Keberkesanan dan Cabaran	21 – 22 Feb 2022	40
PLO 3	Kursus Perlindungan Data Peribadi dan Bahaya Scam	28 Feb – 1 Mac 2022	34
PLO 4	Seminar Fraud Insurans	14 Mac 2022	25
PLO 5	Seminar mengenai Isu Murtad di Malaysia	28 Mac 2022	45
PLO 6	Kursus Kefahaman Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan Penggulungan Syarikat	20 Jun 2022	32

Warga Program Perundangan





PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN



Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran



Jamilah binti Jamil



Siti Nurul Aishah binti Zakariah



Ida Adiba binti Md Razali
(Pengarah)



Fatimah Az Zahrah
binti Alias



Nor Raihan binti
Rithwan

Pencapaian Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran Tahun 2022

Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran, Bahagian Latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (Program PKP) telah berjaya menganjurkan sebanyak empat belas (14) kursus/ bengkel/ seminar berjadual bagi tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, lapan (8) daripadanya telah dijalankan secara dalam talian (*online*) dan selebihnya dijalankan secara fizikal. Penyertaan bagi program latihan di bawah penyelarasan Program PKP ILKAP pada tahun 2022 secara keseluruhannya adalah seramai 599 orang peserta.

Berikut adalah bilangan peserta yang hadir ke kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang dianjurkan oleh Program PKP bagi tahun 2022:



Perincian kursus/ bengkel/ seminar berjadual yang telah berjaya dilaksanakan oleh Program PKP ILKAP pada tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA BERSEMUKA

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PL 1	Komputer dan Kerjaya	20 Jun 2022	34
PL 2	Bengkel Teknik Pengendalian Mesyuarat dan Penyediaan Minit Mesyuarat	8 – 10 Ogos 2022	27
PL 3	Bengkel Etiket Sosial	5 – 7 September 2022	22
PL 4	<i>Oh My English!</i>	13 – 14 September 2022	25
PL 5	Program Transformasi Minda Siri 4/2022	19 – 27 September 2022	73
PL 6	Bengkel Tatacara Majlis Rasmi Kerajaan	11 – 13 Oktober 2022	24

PROGRAM LATIHAN BERJADUAL SECARA DALAM TALIAN

PETUNJUK	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
PLO 1	<i>Be an Effective and Exceptional Leader</i>	9 – 11 Februari 2022	42
PLO 2	Program Transformasi Minda Siri 1/2022	21 Februari – 1 Mac 2022	75
PLO 3	Program Transformasi Minda Siri 2/2022	17 – 25 Mei 2022	73
PLO 4	<i>Deal With Me!</i>	8 – 9 Jun 2022	28
PLO 5	Seminar “Saya yang Menjalankan Amanah”	7 Julai 2022	34
PLO 6	Program Transformasi Minda Siri 3/2022	18 – 26 Julai 2022	76
PLO 7	Bahasa Jiwa Negara	11 – 12 Oktober 2022	28
PLO 8	Seminar Media Sosial dan Penjawat Awam	13 Oktober 2022	38

Program PKP ILKAP turut menyelaraskan kursus di bawah Program Pembangunan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (KursusILA) yang menggunakan peruntukan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi tahun 2022, sebanyak tujuh (7) KursusILA yang telah dirancang iaitu empat (4) KursusILA Dalam Negara dan tiga (3) KursusILA Luar Negara. Penyertaan KursusILA di bawah penyelarasan Program PKP ILKAP pada tahun 2022 secara keseluruhannya adalah seramai 132 orang peserta.

Perincian KursusILA yang telah berjaya diselaraskan oleh Program PKP ILKAP sepanjang tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

PROGRAM PEMBANGUNAN TENAGA PENGAJAR INSTITUT LATIHAN AWAM (KURSUSILA DALAM NEGARA)

BIL.	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	Bengkel Pemantapan Bahasa Melayu (Intensif)	30 – 31 Mac 2022	41
2.	Bengkel Pemerksaan Bahasa Melayu (Penulisan Dokumen Rasmi)	11 – 12 Mei 2022	40
3.	17th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2022	16 – 18 Ogos 2022	3
4.	Kursus Pemantapan Bahasa Melayu dalam Bidang Perundangan	19 – 21 Oktober 2022	37

PROGRAM PEMBANGUNAN TENAGA PENGAJAR INSTITUT LATIHAN AWAM (KURSUS ILA LUAR NEGARA)

BIL.	TAJUK KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	<i>International Air Law, International Civil Aviation Organization, Thailand (secara dalam talian)</i>	25 – 29 April 2022	4 orang
2.	<i>Effective Leadership Through Emotional Intelligence, Oxford University, United Kingdom (secara dalam talian)</i>	27 April –11 Mei 2022	5 orang
3.	<i>Legislative Drafting Conference, Canadian Institute for the Administration of Justice and Commonwealth Association of Legislative Counsel (secara dalam talian)</i>	8 – 9 September 2022	2 orang

Warga Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran





BAHAGIAN PENGURUSAN





Bahagian Pengurusan ILKAP



Seksyen Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan



Seksyen Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan

Pada tahun 2022, ILKAP telah diperuntukkan sejumlah RM10,384,800.00 untuk pembayaran emolumen dan perbelanjaan operasi ILKAP melibatkan pelaksanaan program latihan, penyelenggaraan, penaiktarafan kemudahan serta lain-lain perbelanjaan. Peruntukan kemas kini setelah mengambil kira peruntukan yang disalurkan kepada JKR, RELA dan termasuk waran sekatan sebanyak RM1,032,719.10 oleh Jabatan Perdana Menteri menjadikan baki peruntukan ILKAP adalah sebanyak RM9,352,080.90. Sehingga 31 Disember 2022, ILKAP telah membelanjakan sebanyak 98.63% daripada bajet yang diperuntukkan.

Di samping peruntukan perbelanjaan mengurus, ILKAP turut diperuntukkan sebanyak RM50,000.00 khusus untuk melaksanakan program latihan melalui Akaun Amanah. Sehingga 31 Disember 2022, 90% pegawai ILKAP telah menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) hari kursus/ latihan yang dilaksanakan secara dalaman, anjuran lain-lain kementerian/ agensi dan pihak swasta. Latihan yang diberikan adalah berbentuk generik dan fungsian merangkumi keseluruhan bidang yang berkaitan.

Berdasarkan waran perjawatan yang berkuatkuasa, ILKAP telah diluluskan sebanyak 102 perjawatan. Pada 31 Disember 2022, sebanyak 94 jawatan telah diisi dan 8 jawatan tidak diisi seperti ringkasan perjawatan ILKAP di jadual berikut:-

Jadual Perjawatan ILKAP

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi	2	1	1
Pengurusan & Professional	32	28	4
Sokongan I	59	56	3
Sokongan II	9	9	0
JUMLAH	102	94	8



Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset (DPPA)



Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset (DDPA)

Pada awal tahun 2022, ILKAP kekal berstatus sebagai Stesen Kuarantin (SK) yang menempatkan *Patient Under Surveillance* (PUS) COVID-19 di Asrama Blok A dan Blok B. Penyelaras SK ILKAP masih diletakkan di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Hulu Langat. Agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat dalam pengoperasian SK ILKAP adalah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Bilik Gerakan Bencana Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Radicare Sdn Bhd. Penglibatan kementerian/ agensi/ jabatan dalam pengoperasian SK ILKAP adalah merangkumi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

Pada 24 Februari 2022, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat telah menerima arahan dari Pejabat Setiausaha Negeri Selangor untuk menutup SK ILKAP memandangkan ia tidak lagi menerima kemasukan PUS untuk menjalani kuarantin. Bermula 25 Februari 2022, Asrama A dan B ILKAP telah dijadikan sebagai Pusat Penginapan Petugas – Petugas Kesihatan bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) MAEPS, sehingga ditutup pada 30 April 2022. ILKAP kemudiannya telah mengambil tindakan sewajarnya dengan melaksanakan kerja-kerja pembaikan terhadap kerosakan-kerosakan di kedua-dua blok berdasarkan aduan yang diterima daripada Urus Setia SK ILKAP.

Berikutan perubahan status ILKAP yang tidak lagi memegang fungsi sebagai salah satu Stesen Kuarantin (SK), ILKAP telah menerima tempahan bermula Jun 2022 bagi sewaan kemudahan/ fasiliti daripada kementerian/ jabatan/ agensi luar selaras dengan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Unit Domestik telah bertindak menyelaras pemakluman kepada kementerian/ agensi/ jabatan untuk memulakan permohonan kemudahan/ fasiliti. Oleh yang demikian, ILKAP telah menyediakan dan mengurus sebanyak 38 jenis program/ kursus/ bengkel/ seminar merangkumi urusan tempahan sewaan kemudahan/ fasiliti daripada kementerian/ jabatan/ agensi luar bagi sepanjang tempoh Jun 2022 sehingga Disember 2022.

ILKAP juga telah diwartakan sebagai salah sebuah pusat mengundi bagi Pilihan Raya Umum ke 15 (PRU 15) yang telah diadakan pada 19 November 2022 yang lalu. Saluran tempat mengundi telah meningkat kepada enam (6) saluran berbanding tiga (3) saluran sahaja ketika PRU 14. Ini berikutan, terdapat peningkatan jumlah pengundi di Parlimen Bangi. Saluran-saluran mengundi yang diguna pakai adalah bilik-bilik kuliah di Bangunan Perdana dan seramai 53 petugas PRU 15 telah ditugaskan di pusat mengundi ILKAP yang kebanyakannya terdiri daripada pegawai-pegawai ILKAP.

Di samping itu, ILKAP telah melaksanakan beberapa kerja membaik pulih kemudahan/ fasiliti bagi keselesaan warga ILKAP/ pengguna. Antaranya adalah seperti yang berikut:





Seksyen Teknologi Maklumat



**Mariana
binti Nong**



**Nor
Nazirawati @
Nur Izzati binti
Anang**



**Khairul Anuar
bin Abdul Shukor**



**Amrilamim
bin Mislan**



**Khairul
Mustadza bin
Md Akhir**



**Zulnordarvina
binti Mat Zari**





Seksyen Teknologi Maklumat Bahagian Pengurusan

Seksyen Teknologi Maklumat (STM) sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan yang disediakan dapat menyokong bidang teras ILKAP iaitu penyediaan latihan yang sistematik, relevan dan progresif kepada pegawai kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang. STM juga sentiasa bersedia dalam keadaan *standby mode* untuk memberi bantuan teknikal dalam pengendalian kursus, mesyuarat dan aktiviti sama ada secara fizikal atau secara dalam talian.

Selaras dengan komitmen itu, STM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk memastikan tahap perkhidmatan yang optimum seperti berikut:

AKTIVITI SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT TAHUN 2022





GARIS MASA TRANSISI PENGURUSAN DOMESTIK, PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET ILKAP



Warga Bahagian Pengurusan



BAHAGIAN MAKLUMAT

Bahagian Maklumat



Norhasida
binti Darus



Siti Manoriah
binti Saleh
(Pengarah)



Kasmilah
binti Jahaba



Maz Anies
Syazzwanie
binti Mohamad



Wan Mohd
Fadhil bin
Wan Berahim



Normansyurah
binti Md Nor



Faridah
Hanim binti
Sulaiman



Mohamad
Rasidi bin Sidik



Maizatul
Maisarah
binti
Manshor

Pengenalan

Bahagian Maklumat, Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (Bahagian Maklumat) berperanan menyediakan bahan rujukan perundungan termasuklah bahan elektronik untuk memenuhi keperluan maklumat di ILKAP dalam bidang undang-undang, pengurusan, latihan, grafik dan komputer selain berkongsi dan bertukar maklumat antara perpustakaan dan institusi lain sama ada di dalam maupun luar negara. Objektif Bahagian Maklumat juga adalah untuk menggalakkan pembacaan dan penyelidikan dalam bidang kehakiman dan perundungan.

Disamping itu, Bahagian Maklumat memainkan peranan utama dan berganding bahu bersama dengan Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP dalam penyediaan rekaan grafik bagi bahan terbitan yang dihasilkan oleh ILKAP seperti Buku Laporan Tahunan ILKAP dan majalah dwitahunan ILKAP E-Newsletter (Insight).

Bahagian Maklumat turut mengendalikan cetakan dalaman ILKAP serta penyediaan pelbagai material grafik yang lain seperti webposter dan brosur kursus/bengkel/seminar yang dianjurkan oleh ILKAP.


PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bahagian Maklumat telah berkembang selaras dengan keadaan semasa dan juga menawarkan perkhidmatan perkhidmatan secara atas talian atau secara maya. Bahagian Maklumat melalui Pusat Sumber ILKAP menyediakan perkhidmatan pangkalan data perundungan untuk kegunaan peserta kursus dan juga kakitangan sebagai sumber rujukan yang boleh diakses secara maya. Pangkalan data perundungan yang dilanggar adalah Lexis Advanced, CLJ Law dan LawNet. Manakala pada akhir Oktober 2022, Bahagian Maklumat telah memperoleh sistem perpustakaan yang baharu iaitu KOHA. Sistem ini membolehkan bahan bacaan Pusat Sumber dikatalog secara sistematik serta menyediakan kemudahan OPAC. Ia merupakan perkhidmatan sistem katalog atas talian berdasarkan web yang digunakan bagi mencari buku-buku atau bahan-bahan yang terdapat di dalam koleksi Pusat Sumber ILKAP. Ia boleh diakses pada bila-bila masa dan dimana sahaja.

Data penyampaian perkhidmatan Pusat Sumber ILKAP bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:


STATISTIK

Bahagian Maklumat telah mempertingkatkan koleksi bahan bacaan pada tahun 2022 bagi memenuhi keperluan dan kegunaan peserta kursus dan warga ILKAP. Jumlah pelbagai koleksi bahan bacaan di Pusat Sumber ILKAP pada tahun 2022 adalah seperti berikut:




KOLEKSI

Bahagian Maklumat telah mempertingkatkan koleksi bahan bacaan pada tahun 2022 bagi memenuhi keperluan dan kegunaan peserta kursus dan warga ILKAP. Jumlah pelbagai koleksi bahan bacaan di Pusat Sumber ILKAP pada tahun 2022 adalah seperti berikut:



PEROLEHAN

Bagi menjamin kualiti perkhidmatan agar relevan dengan keperluan dan kehendak semasa, Bahagian Maklumat telah melaksanakan perolehan-perolehan yang berikut pada tahun 2022:



Bagi menjamin kualiti perkhidmatan agar relevan dengan keperluan dan kehendak semasa, Bahagian Maklumat juga telah melaksanakan aktiviti program galakan membaca yang berikut pada tahun 2022:

JOM BACA 10 MINIT



PAMERAN IHYA RAMADAN



PAMERAN KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN AGONG

AKTIVITI PUSAT SUMBER ILKAP 2022

PAMERAN KEPUTERAAN YANG DIPERTUAN AGONG

APRIL 2022

Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

Dirgahayu Tuanku
MERAFAK SEMBIRI DAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN TAHNIAH
KEBAWAH DULYANG MULIA
SERI PADUKA BESAR BESARAN YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RIWATUDDIN A. MUSTAFA'BULAH SHAH
BIN ALMAHMUM SULTANAH AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH
DAK, DKA, DUK, DAK, SSAR, SJM&D, DK, Imroqomud, DK, Jelutong,
SSKA, DKA&D (Baru), DK, Sedekah, DK, Perhakim, DK, Penjara).

Surat perintah
ULASAN PAMERAN DIRGAHAYU TUANKU
KEBAWAH DULYANG MULIA
06 Jun 2022 (berlaku sehingga 06 Zulhijah 1443H)

LAWATAN PESTA BUKU ANTARABANGSA PWTC

AKTIVITI PUSAT SUMBER ILKAP 2022

PAMERAN PESTA BUKU PWTC

JUN 2022

Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

The poster features several photographs showing people at a book fair. One photo shows a woman in a hijab standing in front of a wall decorated with a large portrait of a person and many small portraits. Another photo shows two people at a booth with books. A third photo shows a person looking at books on a shelf. A fourth photo shows a group of people standing around a table with books.

TROLLEY BOOK 2U

**AKTIVITI
PUSAT SUMBER ILKAP 2022**

TROLLEY BOOK 2U

DISEMBER 2022

Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

#library2u@[ILKAP](#)

LAWATAN PESTA BUKU SELANGOR

**AKTIVITI
PUSAT SUMBER ILKAP 2022**

**LAWATAN PESTA BUKU
ANTARABANGSA
SELANGOR**

DISEMBER 2022

Sun	Mon	Tue	Wed	Thu	Fri	Sat
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

#library2u@[ILKAP](#)

KUIZ KEMERDEKAAN



PAMERAN KUIZ KEMERDEKAAN



ANUGERAH PEMBACA / PEMINJAM
AKTIF

AKTIVITI PUSAT SUMBER ILKAP 2022



Warga Bahagian Maklumat





UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI



Unit Penyelidikan dan Inovasi



Norkarimah binti Mat
Tahir



Nadia binti Fauzi



Nabeela Shakina binti
Abdul Razak



Wan Aimi binti Wan
Abdul Aziz



Nur Syahira binti
Abdullah



Salmi binti Abdur
Rahman



Pengenalan

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP berperanan seperti yang berikut



PELAN STRATEGIK ILKAP 2021 - 2025

Unit Penyelidikan dan Inovasi merupakan Unit yang bertanggungjawab sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik ILKAP (JKPPSI) bagi Pelan Strategik ILKAP 2021 – 2025. JKPPSI bagi Pelan Strategik ILKAP diletakkan di bawah seliaan Ketua Pengarah ILKAP.

JKPPSI berperanan sebagai pemantau utama dan membuat penilaian serta mengkaji semula Pelan Strategik ILKAP secara keseluruhannya. Mesyuarat JKPPSI diadakan dengan kekerapan sebanyak dua kali setahun.

ILKAP telah mengguna pakai Pelan Strategik ILKAP 2021–2025 yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2021. Pelan ini digubal selaras dengan dasar dan aspirasi negara demi keutuhan sistem keadilan nasional dengan mengambil kira wawasan dan cabaran yang perlu dihadapi seiring dengan peredaran semasa.

Tiga teras utama dalam Pelan Strategik ILKAP 2021 – 2025 adalah seperti yang berikut



Bagi tahun 2022, Mesyuarat JKPPSI Bil. 1/2022 telah diadakan pada 9 Ogos 2022 bagi melaporkan pelaksanaan pelan strategik dari 1 Januari 2022 hingga 31 Mei 2022 manakala Mesyuarat JKPPSI Bil. 2/2022 pula telah diadakan pada 23 Disember 2022 bagi pelaporan dari 1 Jun 2022 hingga 31 Oktober 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM KURSUS (JKKK) DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA KURIKULUM (JKKSK) 2022

ILKAP sentiasa berusaha memastikan semua program latihan yang dilaksanakan oleh ILKAP ditambah baik dan relevan pada setiap masa. Bagi meningkatkan kualiti program latihan, ILKAP sentiasa komited mengadakan perbincangan dengan pemegang taruh ILKAP melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Kurikulum Kursus (JKKK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum (JKKSK).

Pada tahun 2022, Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP telah berjaya mengadakan sebanyak 19 Mesyuarat JKKK dan 11 Mesyuarat JKKS yang dikendalikan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Zoom Meetings* bermula dari 24 November 2022 hingga 22 Disember 2022. Mesyuarat JKKK dan JKKS berkenaan telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah ILKAP dan dihadiri oleh wakil daripada Program Latihan, Bahagian Latihan ILKAP yang berkaitan dan turut disertai oleh para pemegang taruh daripada pelbagai jabatan/agensi/kementerian.

Tujuan Mesyuarat JKKK diadakan adalah untuk membangunkan kurikulum program latihan yang baharu manakala Mesyuarat JKKS pula dilaksanakan bertujuan untuk menambah baik kurikulum program latihan yang sedia ada agar sejajar dengan perkembangan undang-undang semasa. ILKAP sentiasa peka dalam memastikan semua latihan yang dijalankan adalah seiring dengan perkembangan terkini berkaitan dengan isu semasa dan undang-undang di Malaysia.

SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM KURSUS (JKKK) 2022

BIL	MESYUARAT	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Workshop on Effective Strategy in Trials and Appeals Procedures in Civil Cases</i>	Litigasi	24 November 2022
2.	Prosiding dalam Kes Inkues dan Mati dalam Tahanan (<i>Custodial Death</i>)	Litigasi	24 November 2022
3.	Kursus Siasatan dan Pendakwaan Jenayah Narkotik di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Pemulihan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983	Litigasi	25 November 2022
4.	<i>Privatisation for Beginners Course</i>	Penasihat	29 November 2022
5.	<i>Course on Statutory Interpretation</i>	Penasihat	29 November 2022
6.	<i>Workshop on Drafting and Vetting ICT Related Clauses in Government Contract</i>	Penasihat	30 November 2022
7.	<i>Course on Drafting International Instruments</i>	Penasihat	30 November 2022
8.	Kursus Tanda Baca dalam Teks Perundangan	Perundangan	1 Disember 2022
9.	Seminar Undang-Undang Darurat di bawah Perlembagaan Persekutuan	Perundangan	1 Disember 2022

BIL	MESYUARAT	PROGRAM	TARIKH
9.	Seminar Undang-Undang Darurat di bawah Perlembagaan Persekutuan	Perundangan	1 Disember 2022
10.	Kursus Undang-Undang Pilihan Raya – Perundangan dan Prosedur	Perundangan	1 Disember 2022
11.	<i>Seminar on Maritime Safety: Dealing with Marine Pollution in Malaysia</i>	Kehakiman	5 Disember 2022
12.	Bengkel Peranan Penolong Pegawai Undang-Undang dalam Penggubalan dan Penyemakan Undang-Undang	Perundangan	5 Disember 2022
13.	Kursus Asas Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar	Kehakiman	7 Disember 2022
14.	Kursus Fungsional Jurubahasa	Kehakiman/Puan Zuraidah	7 Disember 2022
15.	Kursus Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Awam	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran	19 Disember 2022
16.	<i>Course on Negotiation Skills – Getting A Yes</i>	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran	19 Disember 2022
17.	Kursus Pengurusan Gangguan Seksual di Tempat Kerja	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran	19 Disember 2022
18.	Komputer dan Kerjaya	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran	20 Disember 2022
19.	Bengkel Etiket Sosial, Pengurusan dan Pengacaraan Majlis	Pembangunan Kerjaya & Pentadbiran	20 Disember 2022

SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA KURIKULUM (JKSK) 2022

BIL	MESYUARAT	PROGRAM	TARIKH
1.	Kursus Pendakwaan Jenayah Siber	Litigasi	24 November 2022
2.	Kursus Punca Kuasa, Perwakilan Kuasa dan Penurunan Kuasa	Penasihat	29 November 2022
3.	<i>Course on Rights of Foreign Workers in Malaysia: An Overview</i>	Penasihat	30 November 2022
4.	Seminar Kesedaran Kesalahan oleh Organisasi Komersial – Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009	Perundangan	2 Disember 2022
5.	Kursus Berkaitan Prosedur dan Perundangan Halal di Malaysia	Perundangan	2 Disember 2022
6.	Kursus Hibah, Wasiat, Amanah dan Probet (Hartanah)	Kehakiman	5 Disember 2022
7.	Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah	Kehakiman	6 Disember 2022
8.	Seminar Poligami – Hak Dan Tanggungjawab	Kehakiman	6 Disember 2022
9.	<i>Course on Crime Sentencing Process</i>	Kehakiman	6 Disember 2022
10.	Seminar Mengenai Akta Pengurusan Strata 2013	Kehakiman	7 Disember 2022
11.	Kursus Kepeguanan berhubung dengan Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat	Litigasi	22 Disember 2022

JUMLAH MESYUARAT JKKK DAN JKKS K TAHUN 2022

BIL	PROGRAM	JKKK	JKKS K	JUMLAH
1.	Kehakiman	3	5	8
3.	Penasihat	4	2	6
2.	Litigasi	3	2	5
4.	Perundungan	4	2	6
5.	Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	5	-	5
JUMLAH		19	11	30



PENERBITAN ILKAP TAHUN 2022

Selaku penyelaras bahan penerbitan utama di ILKAP, Unit Penyelidikan dan Inovasi telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan ILKAP 2021, Pelan Strategik ILKAP 2021-2025 dan ILKAP E-Newsletter (Insight) Bil.1/2022 dan 2/2022 dalam laman sesawang ILKAP yang boleh diakses menerusi pautan yang berikut:

<https://www.ilkap.gov.my/penerbitan.php>




PROGRAM INOVASI ILKAP TAHUN 2022

Sebagai salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, ILKAP sentiasa menyokong polisi kerajaan untuk menyemai dan mengamalkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam. Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP telah dipertanggungjawabkan dengan peranan sebagai penyelaras pelaksanaan program inovasi di ILKAP dan berikut adalah program inovasi ILKAP yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2022:

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI INOVASI	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi ILKAP Bil. 1/2022	4 Mac 2022
2.	Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2022	7 Januari 2022
3.	Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2022	20 Mei 2022
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi ILKAP Bil. 2/2022	17 Jun 2022
5.	Pertandingan Inovasi ILKAP 2022	29 September 2022

Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2022 telah diadakan secara dalam talian pada 20 Mei 2022 bertajuk "Antara Muka Pengguna (*User Interface*) Terkini bagi Aplikasi Federal Legislation Portal Malaysia (LOM) dan Aplikasi Lain dalam Laman Sesawang Jabatan Peguam Negara". Topik ini dipilih untuk memberikan maklumat kepada para peserta tentang pengemudian laman sesawang Jabatan Peguam Negara (AGC) yang lebih efisien selaras dengan beberapa pengemaskinian dan pembaharuan yang dibuat kepada antara muka pengguna (*User Interface*) bagi aplikasi Portal Perundangan Malaysia (LOM) dan aplikasi-aplikasi lain dalam laman sesawang Jabatan Peguam Negara.

GAMBAR PROGRAM BICARA INOVASI ILKAP BIL. 2/2022



PERTANDINGAN INOVASI ILKAP 2022

Pertandingan Inovasi ILKAP 2022 telah berjaya diadakan pada 27 September 2022 dan sebanyak empat kategori telah dipertandingkan. Pertandingan Inovasi ILKAP 2022 telah mendapat sambutan yang baik dengan sembilan penyertaan kategori ICT dan sepuluh (10) penyertaan kategori Non-ICT yang diterima daripada warga ILKAP.

Juri-juri yang mengadili Pertandingan Inovasi ILKAP 2022 terdiri daripada:

- ◊ YBhg. Datin Rozita binti Ramli, Ketua Pengarah ILKAP;
- ◊ YBrs. Dr. Faridah Mohamed, Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan Pengurusan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU); dan
- ◊ YBrs. Tuan Kapten Bersekutu (PA) Tuan Ismail bin Tuan Abdullah, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan daripada Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)



Senarai pemenang Pertandingan Inovasi ILKAP 2022 adalah seperti yang berikut:



PEMENANG PERTANDINGAN INOVASI ILKAP 2022

Senarai Nama Pemenang

KATEGORI ICT (KUMPULAN)



BAHAGIAN MAKLUMAT

PRODUK: SMART BOOK RETURNS



YBRS. TUAN HARITH SHAM BIN
MOHAMED YASIN
PUAN AINNAN BINTI MOHD RASID
PRODUK: MSG ILKAP



SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PRODUK: SUPPORT ME TO BE GOOD

KATEGORI ICT (INDIVIDU)



PUAN AINNAN BINTI MOHD RASID

PRODUK: 3SA



ENCIK MOHD RAIHEMI BIN SULAIMAN
PRODUK: SISTEM PUNCH CARD SECARA
MAYA



TAHNIAH kepada Pemenang





Warga Unit Penyelidikan dan Inovasi





UNIT INTEGRITI



Unit Integriti



**Mohd Nor
Aiman bin Ab
Patar**



**Nadia
Hanim binti
Rosli**



Pengenalan

Unit Integriti di agensi awam ditubuhkan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2013. Objektif penubuhan Unit Integriti adalah untuk menyepadukan semua pengurusan hal berkaitan dengan integriti di bawah satu unit khusus supaya dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang.

Fungsi Unit Integriti adalah untuk menguruskan hal berkaitan integriti dalam organisasi dengan pelaksanaan enam fungsi teras yang berikut:



Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan warga ILKAP mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh dan meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan warga ILKAP. Antara aktiviti dan mesyuarat yang diadakan melibatkan pihak Unit Integriti pada tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-rasuah (JAR) Peringkat JPM dan Agensi Bil. 1 Tahun 2022	26 Januari 2022
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat JPM & Agensi Bilangan 2 Tahun 2022	27 Mei 2022
3.	Mesyuarat JAR Peringkat JPM & Agensi Bilangan 3 Tahun 2022	20 September 2022
4.	Mesyuarat JAR ILKAP Bil. 1&2/2022	28 September 2022
5.	Mesyuarat JAR ILKAP Bil. 3/2022	23 Disember 2022
6.	Bengkel Integriti Penjawat Awam ILKAP	19 Ogos 2022
7.	Mesyuarat Perbincangan Rangka Laporan Pemantauan Dan Pencapaian OACP ILKAP 2022-2026	22 Disember 2022
8.	Info Integriti Bulanan	Januari – Disember 2022
9.	Laporan Kedatangan Bulanan ILKAP	Januari – Disember 2022
10.	Laporan Aduan Bulanan ILKAP	Januari – Disember 2022
11.	Laporan Piagam Pelangan Bulanan ILKAP	Januari – Disember 2022

BENGKEL INTEGRITI PENJAWAT AWAM ILKAP

Bengkel Integriti Penjawat Awam ILKAP telah diadakan pada 19 Ogos 2022 (Jumaat) bertempat di Dewan Kuliah, Aras 4, Bangunan ITITC, ILKAP dan telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan ILKAP.

Ceramah telah disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), iaitu Puan Sofiah binti Ab Hamid dan Encik Ahmad Azhan Bin Mohd Noh @ Mohamed Nor.



AKTIVITI BENGKEL INTEGRITI PENJAWAT AWAM ILKAP



INFO INTEGRITI

UNIT INTEGRITI
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN & PERUNDANGAN

Info INTEGRITI

PEGAWAI GAGAL MEMATUHI
PERATURAN-PERATURAN YANG SEDANG
BERKUATKUASA BOLEH DITAFSIRKAN
SEBAGAI

INGKAR PERINTAH

IAITU

MELANGGAR TATAKELAKUAN DI BAWAH
PERATURAN 4 (2)(1)
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN & TATATERTIB) 1998

"Adalah menjadi **TANGGUNGJAWAB** setiap pegawai itu untuk
MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN
yang sedang berkuatkuasa"

UNIT INTEGRITI
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN & PERUNDANGAN

Info INTEGRITI

FAKTOR KEMEROSOTAN INTEGRITI

Kelemahan mana-mana satu faktor berikut menyumbang kepada kemerosotan integriti diri atau organisasi. Justeru, semua faktor tersebut perlu ditangani secara menyeluruh dan ia bermula dengan diri anda.

KEPIMPINAN

- Kepimpinan kurang berteladan, lemah irtizam
- Arahan pemimpin yang melanggar prosedur & peraturan
- 'Cakap tak serupa bikin'

KELEMAHAN INDIVIDU

- Kurang penghayatan nilai-nilai murni
- Etika kerja yang lemah
- Sifat tamak
- Tidak nampak kelemahan sendiri
- Tekanan hidup
- Gaya hidup mewah
- Kepimpinan tidak memberi teladan baik

STRUKTUR & ORGANISASI

- Struktur organisasi tidak kemas, lapuk atau tidak sesuai dengan peredaran masa
- Matlamat organisasi tidak jelas ATAU TIDAK munasabah
- Kecelaruan skop, tugas & tanggungjawab antara bahagian
- Tiada koordinasi antara bahagian

BUDAYA TIDAK SIHAT

- Kurang menitikberatkan integriti
- Takut membuat laporan kerana bimbang tindakan balas
- Sikap tidak ambil peduli
- Budaya 'ANGGUK' & 'AMPU (KIPAS)'

KELEMAHAN SISTEM & PROSEDUR

- Membuka ruang kepada rasuah & penyelewengan
- Kelemahan sistem prosedur & garispanduan
- Penguatkuasaan lemah
- Kurang pemantauan & penilaian

Warga Unit Integriti





PROGRAM KHAS: **ILKAP SPEAKER SERIES**

**KNOWING ONLINE SCAMS AND BEST
PRACTICES FOR PREVENTIONS**



ILKAP Speaker Series

“Knowing Online Scams and Best Practices for Preventions”

Dewan Damar Sari, Putrajaya

17 Oktober 2022

Program ILKAP Speaker Series (ISS) diwujudkan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai Kehakiman dan Perundangan, ahli Parlimen, pembuat dasar, ahli akademik, pengamal undang-undang, pegawai dari jabatan/agensi/badan berkanun yang berkaitan serta orang awam tentang kupasan isu-isu perundangan atau isu-isu semasa secara terperinci dan holistik oleh tokoh terkemuka dalam bidang masing-masing.

Program ISS bagi tahun 2022 (“ISS 2022”) telah diadakan pada 17 Oktober 2022 bertempat di Dewan Damar Sari 1, 2 dan 3, Aras 3, Blok F8, Parcel F, Presint 1, Putrajaya. ISS 2022 mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah dihadiri oleh seramai 194 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Kehakiman dan Perundangan, pembuat dasar, ahli akademik, pengamal undang-undang, pegawai dari jabatan/agensi/badan berkanun yang berkaitan dan sektor swasta. Tajuk yang dipilih bagi ISS 2022 adalah “*Knowing Online Scams and Best Practices for Preventions*”.



ISS 2022 dimulakan dengan ucapan oleh YBhg. Datin Rozita binti Ramli, mantan Ketua Pengarah ILKAP. YBhg. Datin menekankan bahawa jenayah siber kini telah menjadi suatu ancaman global dan Malaysia juga tidak terkecuali. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kes penipuan dalam talian serta kebocoran data dan maklumat di jabatan, agensi kerajaan, institusi perbankan dan kewangan semakin berleluasa.

YBhg. Datin turut berkongsi hasil penemuan Penilaian Risiko Kebangsaan 2020 yang menyatakan penipuan dalam talian yang merangkumi jenayah siber merupakan antara jenayah berisiko tinggi utama di negara ini, dengan jumlah kes dan kerugian yang lebih tinggi dialami berbanding penilaian sebelumnya yang dijalankan pada tahun 2017. Lebih 20,000 kes jenayah siber dilaporkan pada tahun 2021, melibatkan kerugian sebanyak RM560 juta. Antara 2017 hingga Julai 2021, rakyat Malaysia mengalami kerugian kira-kira RM2.23 billion akibat jenayah siber.

Sehubungan itu, diharapkan para peserta akan mendapat pendedahan tentang penipuan dalam talian dan cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan tersebut.



ISS 2022 kemudiannya diteruskan dengan penyampaian ceramah bertajuk “*Knowing Online Scams and Best Practices for Preventions*” oleh Puan Sharifah Roziah binti Mohd Kassim, pakar dari *Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT)*, CyberSecurity Malaysia.





PROGRAM KHAS : **PROGRAM “JOM JADI PEGUAM!”**

Program Jom Jadi Peguam

Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama Sungai Buloh, Selangor

30 September 2022

Program Jom Jadi Peguam (“Program”) ini merupakan satu program *outreach* yang bertujuan untuk memberikan penerangan tentang opsyen pekerjaan sebagai pegawai undang-undang/pegawai kepada para pelajar yang bakal membuat pilihan bagi hala tuju akademik mereka setelah tamat peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

Bagi tujuan tersebut, Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama (“SUTAMA”) telah dipilih sebagai perintis dalam langkah pertama ILKAP menganjurkan program ini. Peserta yang terlibat dalam Program ini adalah seramai 210 orang yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 SUTAMA dan 7 orang guru SUTAMA.

Selain daripada para pelajar dan guru-guru SUTAMA, Program ini turut disertai oleh YBrs. Tuan Harith Sham bin Mohamed Yasin, selaku Timbalan Ketua Pengarah ILKAP, YBrs. Puan Hajah Hayati binti Embong, Pengetua Cemerlang SUTAMA, Encik Hasbe bin Omar, Guru Penolong Kanan (Kurikulum) dan Puan Noor Haslina binti Razali, Guru Kaunselor SUTAMA. Urus setia Program juga dibantu oleh para pelajar dan guru SUTAMA dalam persiapan peralatan di Dewan SUTAMA, lokasi jamuan dan gambar rasmi Program.



OBJEKTIF PROGRAM

JOM JADI PEGUAM

Peranan ILKAP

ILKAP memainkan peranan sebagai pengaruh Program Jom Jadi Peguam dengan kerjasama Unit Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama dan memberikan ceramah/taklimat kepada para peserta Program



KANDUNGAN PROGRAM

Metodologi skop penyampaian telah merangkumi aliran atau laluan pengajian yang perlu diambil selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan proses menjadi seorang pegawai undang-undang/pegawai yang disampaikan oleh penceramah yang terdiri daripada pegawai-pegawai perundangan ILKAP



1

DORONGAN DAN SEMANGAT

Mendorong pelajar untuk menceburi bidang perundangan dan memberi semangat kepada pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat "tertiary"



2

PENDEDAHAN LALUAN PENGAJIAN

Memberikan pendedahan tentang laluan yang perlu diambil selepas SPM dan laluan pra-universiti seperti Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM), A-Level, International Baccalaureate (IB), Matrikulasi, Asasi, Diploma



3

SYARAT UTAMA

Mendorong pelajar untuk memperoleh minimum lima (5) kredit lulus di peringkat SPM sebelum memilih program pra-universiti atau yang setaraf sebagai syarat utama ditetapkan Badan Peguam Malaysia untuk mengambil kursus undang-undang



4

MEMUPUK MINAT

Menampilkkan keprihatinan ILKAP sebagai institut latihan perundangan terunggul negara yang mampu memupuk minat dalam menceburi bidang perundangan dari peringkat akar umbi



Sepanjang Program dianjurkan, para pelajar telah memberi sambutan yang memberangsangkan dengan berintraksi secara aktif bersama barisan penceramah dan juga urus setia yang hadir sebagai fasilitator. Daripada perhatian yang dijalankan oleh pihak Penyelaras Program, wujud kekurangan maklumat berhubung laluan kerjaya dalam bidang undang-undang di kalangan para pelajar SUTAMA.

Namun, hasil daripada ceramah dan penerangan yang diberikan oleh penceramah ILKAP, para pelajar SUTAMA kini telah diberi gambaran dan panduan yang lebih jelas berhubung opsyen laluan kerjaya dalam bidang undang-undang. Oleh itu, pihak ILKAP berpandangan Program ini berjaya mencapai objektif yang disasarkan.

Peserta mengambil makanan sebelum Program bermula



Sesi bergambar bersama peserta Program



Sesi bergambar menggunakan “Court Attire” di *Photo Booth* Program



Sesi perkongsian bersama Pegawai Undang-Undang ILKAP



Penyampaian cenderamata kepada wakil sekolah SUTAMA



SENARAI AHLI JAWATANKUASA PROGRAM JOM JADI PEGUAM 2022

Penyelaras Program Jom Jadi Peguam

Puan Fatin binti Khazin

Jawatankuasa Logistik

Puan Suzana binti Abdul Latiff

Puan Nurhidayah binti Mohtar

Cik Anastasia David Sze

Encik Mohd. Faizu bin Razali

Jawatankuasa Perhubungan Awam

Puan Siti Noor Mazrah binti Ahmad Din

Puan Ainnan binti Mohd Rasid

Cik Sharifah 'Aishah Almohdar binti Syed Mohamed

Encik Mohd Khaironizam bin Mohd Yunus

Penceramah

Puan Jamilah binti Jamil

Puan Tania Arissa binti Andi Sarang

Cik Bharathy a/p Balakrishnan



PROGRAM KHAS: **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN**



Aktiviti Kelab Sukan dan Kebajikan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (KSK ILKAP) Tahun 2022

MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL UNTUK ALLAHYARHAM MOHD RASHDAN BIN HAMZAH

3 Mac 2022

Secara Dalam Talian

KSK ILKAP telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil untuk Allahyarham Mohd Rashdan bin Hamzah yang melibatkan seluruh warga ILKAP.

SUMBANGAN BANTUAN PERSEKOLAHAN

18 Mac 2022

Bangunan Perdana dan Bangunan ITITC ILKAP

KSK ILKAP memberi sumbangan beg sekolah dan alat tulis kepada anak-anak ahli KSK ILKAP iaitu pegawai dan kakitangan dalam kategori golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

MAJLIS PERSARAAN DAN JASAMU DIKENANG

1 April 2022

Dewan Serbaguna, ILKAP

Majlis ini dianjurkan oleh KSK ILKAP dengan kerjasama Bahagian Pengurusan yang telah diadakan bagi meraikan dua orang pegawai ILKAP dari Bahagian Latihan yang telah dan akan bersara iaitu Puan Fariza Hamzah dan Tuan Jamal Mohamed. Menu istimewa bertemakan "JOM MAKAN KENDURI" dihidangkan kepada semua tetamu.





PROGRAM AGIHAN JUADAH BERBUKA PUASA

15 April 2022

Lobi ITITC dan Lobi Perdana ILKAP

Bersempena bulan Ramadhan, Kelab ILKAP telah menempah juadah berbuka puasa iaitu Nasi Arab untuk diagihkan kepada semua warga ILKAP.

MAJLIS BACAAN YASIN

Secara Dalam Talian

Kelab ILKAP telah menganjurkan Majlis Bacaan Yaasin secara dalam talian secara berkala sebagai satu usaha untuk memupuk sifat kerohanian dalam diri warga ILKAP terutamanya yang beragama Islam. Majlis Bacaan Yaasin telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2022 iaitu pada 22 April 2022, 10 Jun 2022, 26 Ogos 2022 dan 25 November 2022.

MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP KALI KE 16 TAHUN 2022

27 April 2022

Secara Dalam Talian

Semasa mesyuarat, pembentangan mengenai laporan aktiviti dan laporan kewangan bagi tahun 2021 telah dibentang serta perbincangan mengenai usul-usul yang dikemukakan oleh ahli-ahli Kelab ILKAP. Mesyuarat juga telah memilih Ahli Jawatankuasa Biro Media dan seorang Pemegang Amanah yang baru berikutan kekosongan jawatan tersebut sebelum ini.

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 2022 ILKAP

27 Mei 2022

Dewan Serbaguna ILKAP

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 ILKAP telah diadakan setiap tahun dengan meriah. Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna ILKAP ini telah disediakan oleh warga ILKAP dengan pembahagian menu yang pelbagai mengikut bahagian dan program yang telah ditetapkan. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran pegawai dan kakitangan yang sebelum ini pernah bertugas di ILKAP.





PROGRAM KIBARKAN JALUR GEMILANG DAN PERTANDINGAN BOLA TAMPAR ILKAP 2022 (TERTUTUP)

23 Ogos 2022

Dewan Serbaguna dan Gelanggang Bola Tampar ILKAP

YBhg. Datin Rozita Ramli, Ketua Pengarah ILKAP telah menyempurnakan Program Kibarkan Jalur Gemilang ILKAP 2022. Sambutan tersebut telah dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan diteruskan dengan upacara penyampaian bendera kepada setiap Pengarah. Seterusnya, Sambutan Bulan Kemerdekaan diteruskan dengan penganjuran Pertandingan Bola Tampar ILKAP 2022 (Tertutup). Tujuan pertandingan ini diadakan adalah bagi mencungkil bakat-bakat terpendam warga ILKAP.





MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1444H/2022M

7 Oktober 2022

Surau Utama ILKAP

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1444H/2022M telah diadakan bagi mengimarahkan sambutan kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Majlis telah dimulakan dengan perarakan warga ILKAP dari kawasan parkir di hadapan Dewan Makan Utama Asrama A & B menuju ke Surau Utama ILKAP. Majlis diteruskan dengan Ceramah Malidur Rasul yang telah disampaikan oleh Ustaz Ahmad Shauqi bin Abu Kashim dari Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.





PROGRAM KHAS: PUSPANITA (CAWANGAN KECIL ILKAP)



Laporan Tahunan Puspanita Cawangan Kecil Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) 2022


JUMLAH KEAHLIAN : 67 ORANG WARGA ILKAP



SENARAI AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA (CAWANGAN KECIL) ILKAP



Pengerusi
Puan Harizan binti Hussin



Timbalan Pengerusi
Belum Diisikan



Setiausaha
Puan Norhafida binti Darus



Penolong Setiausaha
Puan Nadia binti Fauzi



Bendahari
Puan Hanim binti Mohd Hussin



Penolong Bendahari
Puan Aida binti Mohamed Bakri



Ketua Biro
Keusahawanan
Puan Noor Ezwanee binti Mohamad



Ketua Biro Sukan dan Sosial
Puan Nurulhuda binti Ramli



Ketua Biro Agama dan Kebajikan
Puan Siti Noor Mazrah binti Ahmad Din



Ketua Biro
Penerbitan Dan Pendidikan
Belum Diisikan



Aktiviti Puspanita (Cawangan Kecil) ILKAP 2022

AGIHAN BUBUR LAMBUK (12 APRIL 2022)

OBJEKTIF : MENGERATKAN SILATURRAHIM DALAM KALANGAN AHLI DAN SEBAGAI IBADAH DI BULAN RAMADAN





LAPORAN PENCAPAIAN



PENGIFTIRAFAN YANG DITERIMA ILKAP PADA TAHUN 2022
KADAR PUSINGAN STOK (KPS) TERBAIK



**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2022
PENERIMA APC TAHUN 2022**

**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)
JABATAN PERDANA MENTERI**



KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



**PUAN MASTURA BINTI HUSAIN
PENGARAH GRED L54**

**PROGRAM PERUNDANGAN
BAHAGIAN LATIHAN**



**PUAN MARIANA BINTI NONG
PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT GRED F44(M)**

**SEKSYEN TEKNOLOGI
MAKLUMAT
BAHAGIAN PENGURUSAN**

KUMPULAN SOKONGAN



CIK ESAH BINTI MOHD SAID
PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L32



PUAN SHAKILA BINTI CHE
ABDULLAH
PENOLONG AKAUNTAN
GRED W29



PUAN NOR FAZLINA BINTI MD RADZI
SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N29



PUAN HANIM BINTI MOHD
HUSSIN
PEMBANTU TADBIR
KEWANGAN
GRED W19



ENCIK MOHAMMAD SHAHRIL
BIN ABD. KADIR
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK
GRED J19



ENCIK ROSLI BIN JEBOL
PEMBANTU OPERASI
GRED N11



ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD)

Januari – Jun 2022



**TUAN KAMARUL IMAN BIN AHAMED SAPIEN
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L41**



**ENCIK MOHD KHAIRORNIZAM BIN MOHD YUNUS
PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG
GRED L29

PROGRAM PERUNDANGAN
BAHAGIAN LATIHAN**



**PUAN SHAKILA BINTI CHE ABDULLAH
PENOLONG AKAUNTAN
GRED W29


SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN &
PERKHIDMATAN**

ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD)

Julai - Disember 2022



**PUAN SUZANA BINTI ABDUL LATIF
KETUA PENOLONG PENGARAH
GRED L48
PROGRAM KEHAKIMAN, BAHAGIAN LATIHAN**



**CIK ROBIAH BINTI HUSIN
PENOLONG AKAUNTAN
GRED W32
SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN &
PERKHIDMATAN
BAHAGIAN PENGURUSAN**

SIDANG REDAKSI BUKU LAPORAN TAHUNAN ILKAP 2022

Nabeela Shakina binti Abdul Razak Ketua Sidang Redaksi

LAPORAN BAHAGIAN LATIHAN ILKAP

Bharathy A/P Balakrishnan	...	Program Kehakiman
Ainnan binti Mohd Rasid	...	Program Litigasi
Nor Raihan binti Rithwan	...	Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran
Naquiah binti Jusoh	...	Program Penasihat
Ho Zee Xing	...	Program Perundangan
Nadia binti Fauzi Nabeela Shakina Abdul Razak Salmi binti Abdur Rahman	...	Laporan Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP
Dayang Faizah binti Awang Maliki	...	Laporan Bahagian Pengurusan ILKAP
Norhafida binti Darus	...	Laporan Bahagian Maklumat ILKAP
Mohd Nor Aiman bin Ab Patar	...	Laporan Unit Integriti ILKAP

LAPORAN KHAS

Ros Afida binti Abu Kassim	...	Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP
Norhafida binti Darus	...	PUSPANITA (Cawangan Kecil) ILKAP
Dayang Faizah binti Awang Maliki	...	Laporan Pencapaian
Nabeela Shakina Abdul Razak	...	Draf Laporan Tahunan ILKAP 2023
Nabeela Shakina Abdul Razak	...	Gambar dan Infografik
Normansyurah binti Md Nor Siti Manoriah binti Saleh	...	Rekaan Grafik
Norkarimah binti Mat Tahir	...	Penyunting
Nabeela Shakina Abdul Razak	...	Penyunting Akhir



Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP),
Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 8924 3400 | Faks: +603 8926 1231



E-mel: webmaster@ilkap.gov.my



ilkap [facebook.com](#)